

SEKILAS INFO

PUSAT PERANCANGAN STRATEGIK, PENGURUSAN KUALITI DAN RISIKO

MENARIK BULAN INI

THE Gala Dinner - THE Awards Asia 2024 Announcement

THE Asia Summit 2024

THE Asia World University Ranking 2024 Results



Pengumuman Pemenang THE Awards Asia 2024

Kuala Lumpur- Majlis Makan Malam Gala Sempena Pengumuman THE Awards Asia 2024 telah berlangsung pada 29 April 2024 bertempat di Sunway Resort Hotel yang dianjurkan oleh Universiti Sunway Kuala Lumpur sebagai sebahagian daripada THE Asia Summit 2024.Untuk tahun 2024, UNIMAS merupakan satu-satunya universiti di Malaysia yang disenarai pendek dalam tiga kategori yang dipertandingkan. Walaupun UNIMAS tidak muncul sebagai pemenang, akan tetapi memperoleh tempat dalam kalangan lapan universiti terbaik di Asia adalah merupakan pencapaian yang cemerlang.Pencapaian ini membuktikan dedikasi yang tidak berbelah bagi seluruh warga UNIMAS terhadap kecemerlangan dalam pendidikan dan penyelidikan serta merupakan detik yang amat membanggakan dan menyerlahkan komitmen berterusan UNIMAS terhadap inovasi dan kecemerlangan akademik.

UNIMAS
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Congratulations

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

for being THE ONLY UNIVERSITY IN MALAYSIA to be listed in 3 categories in

THE AWARDS ASIA 2024

International Strategy of the Year:
"UNIMAS Global High Impact Project Initiatives"

Research Project of the Year:
Arts, Humanities and Social Sciences
"Willingness to share Malay Culture Heritage with the Sarawak Museum Collection"

Technological or Digital Innovation of the Year:
"Electronic Mentor-Mentee Engagement Reporting System (eMentors): How UNIMAS Ingrains Mentoring and Coaching in Workplace"

01 #UNIMASofficial www.unimas.my Community-Driven University For a Sustainable World

Pembentangan Input Pelan Tindakan Landasan Hala Tuju Pendidikan Tinggi 2024

Putrajaya- Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah memperincikan tindakan-tindakan yang perlu dilaksanakan susulan Landasan Hala Tuju KPT Tahun 2024 yang telah dilancarkan oleh YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Pendidikan Tinggi pada 12 Januari 2024. Pada 4 April 2024, semua Naib Canselor telah dijemput untuk menghadiri mesyuarat bagi membentangkan program, inisiatif strategik beserta KPI dan sasaran berpandukan KPI Keberhasilan Fokus Utama yang telah ditetapkan untuk dilaksanakan pada tahun 2024 bagi Pelan Tindakan Landasan Hala Tuju Pendidikan Tinggi 2024 bertempat di KPT.

Pengumuman Keputusan THE Asia University Ranking 2024

Kuala Lumpur- Wakil Pengurusan Tertinggi UNIMAS telah dijemput untuk menghadiri sesi pembentangan bagi keputusan THE Asia University Ranking 2024 oleh Julie Wilkens McMahon, Pengarah Wilayah THE (APAC) di mana UNIMAS berjaya memperbaiki kedudukan dari 501-600 pada tahun sebelum kepada 301+ pada tahun ini. Untuk penarafan pada kali ini, ianya disertai oleh 739 universiti daripada 31 wilayah di seluruh Asia. UNIMAS merupakan dua buah Universiti di Asia yang melonjak 200 kedudukan dari kedudukan sebelum.



PROGRAM SQRC APRIL 2024

Bil.	Perkara	Tarikh
1.	Mesyuarat JSKU Bil.01/2024 ke-30	2 April 2024
2.	Pembentangan Input Pelan Tindakan Landasan Hala Tuju Pendidikan Tinggi 2024 di KPT	4 April 2024
3.	Pengumpulan dan Penghantaran Data QS Sustainability Ranking	15 April 2024
4.	Pelaporan Pencapaian Suku Pertama Keberhasilan Fokus Utama Pelan Tindakan Landasan Hala Tuju Pendidikan Tinggi 2024	19 April 2024
5.	Mesyuarat Penyelarasan Konvensyen Pengurusan Risiko UA	23 April 2024
6.	Penghantaran Dokumen Berkaitan Kerangka OBB Bagi Tahun 2025	25 April 2024
7.	Pelaporan Pencapaian Prestasi Kerangka Keberhasilan (OBB) Universiti Awam (UA) Suku Pertama Tahun 2024	25 April 2024
8.	Mesyuarat Penyelarasan OBB dan Taklimat Sistem MyResults bagi Persediaan Permohonan Belanjawan Tahun 2025 KPT	29 April 2024
9.	Permohonan Maklum Balas Berhubung Pelaksanaan Inisiatif di Bawah Pelan Pelaksanaan Dasar (PPD), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) Bagi Suku Pertama Tahun 2424 Peringkat Universiti Awam dan Hospital Pengajar	30 April 2024
10.	Times Higher Education Asia Summit 2024, Sunway University, Kuala Lumpur	29-1 Mei 2024
11.	Pengumuman Keputusan THE Asia Awards 2024	29 April 2024
12.	Pengumuman Keputusan THE Asia University Ranking 2024	30 April 2024



SALAM AIDILFITRI SQRC



PENGURUSAN & PENTADBIRAN

Pengarah, Prof Gs Dr Tarmiji Masron | **Timbalan Pengarah**, Prof Madya Dr Lee Nung Kion | **Penolong Pendaftar Kanan**, Puan Dayang Mazina Awang Batu & Puan Dayang Zuliana Abang Abd Rahman | **Penolong Pegawai Tadbir Kanan**, Puan Adeline Ann Lubi | **Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Kanan**, Encik Mohd Hairulnizam Mohd Zamri | **Setiausaha Pejabat**, Puan Nur Aishah Jori | **Pembantu Tadbir Kanan**, Puan Norisa Mohamad Sahari | **Pembantu Tadbir**, Cik Siti Afizah Jamil & Encik Mohd Hafizuddin Sulaiman | **Pembantu Operasi**, Encik Rozaimi Anis

